

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS - PAS]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rasional di sebalik langkah Kementerian melarang penggunaan logo Kementerian Belia dan Sukan dan Logo Bulan Sukan Negara 2019 melainkan dimohon terlebih dahulu melalui Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan seperti notis yang ditularkan pada 19 September 2019.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mendaftarkan logo rasminya dan logo Bulan Sukan Negara dengan Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dan dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997 daripada sebarang penyalahgunaan dan eksploitasi.
2. Notis makluman mengenai larangan penggunaan logo–logo tersebut adalah bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan memastikan pengguna logo–logo tersebut mematuhi garis panduan penjenamaan serta bagi mengelakkan ia digunakan tanpa mengikut ketetapan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

## NO. SOALAN : 8

3. Tindakan ini juga dapat memastikan penggunaan logo KBS digunakan untuk penganjuran program serta perkara-perkara lain yang mendapat pengiktirafan, diyakini dan memberi impak positif kepada masyarakat. Selain, pemohon bertanggungjawab untuk memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi KBS melalui penggunaan logo secara wajar dan bersesuaian.

4. Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan mekanisme yang sistematik bagi memproses dan memberikan kelulusan kepada permohonan mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan Garis Panduan Permohonan Penggunaan Logo KBS yang telah disediakan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan Unit Komunikasi Korporat bertarikh 20 Ogos 2018. Jika penggunaan logo tersebut didapati melanggar syarat-syarat penggunaan logo KBS, tindakan undang-undang boleh diambil berdasarkan nasihat daripada PUU selaras dengan yang terkandung dalam Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. Jika UKK mendapati penggunaan logo tersebut akan memberikan kesan kepada KBS, UKK boleh menulis bagi mendapatkan pandangan dan ulasan PUU sebelum diangkat ke KSU bagi tindakan selanjutnya.

5. Bagi memastikan proses permohonan lancar pemohon boleh memuat naik borang permohonan di laman portal rasmi KBS atau menghubungi Unit Komunikasi Korporat KBS untuk bantuan proses permohonan.

Sekian, terima kasih.